



KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada SKP berjudul 'Bas RapidKL, Nadiputra Kerap Lewat' yang disiarkan melalui segmen Surat & Emel, Berita Harian pada 8 Sept 2010.

PPj sentiasa prihatin terhadap penambahbaikan sistem pengangkutan awam di Putrajaya sebagai sebahagian langkah utama untuk mengurangkan masalah kesesakan lalulintas dan kekurangan tempat letak kereta di Kompleks Pejabat Kerajaan. Untuk itu, PPj telah menyediakan perkhidmatan bas Nadi Putra merangkumi hampir keseluruhan Presint di dalam Putrajaya di mana ianya beroperasi dari 2 terminal iaitu di Terminal Putrajaya Sentral, Presint 7 dan Terminal *Park & Ride*, Presint 1. Perkhidmatan bas Nadi Putra yang bermula atau melalui Terminal Putrajaya Sentral ke Kawasan Kompleks Kerajaan A, B, C, D, E adalah sebanyak 6 laluan iaitu Laluan 100, 101, 200, 300, 400 dan 500 yang mana sebanyak 32 buah bas disediakan. Namun begitu, perkhidmatan bas ini perlu melalui Presint kediaman yang lain sebelum ke Kawasan Kompleks A, B, C, D, E bagi memenuhi keperluan penduduk serta orang ramai yang menghuni dan berurusan di kawasan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, atas permintaan yang semakin bertambah dari pengguna agar disediakan perkhidmatan terus dari Putrajaya Sentral ke Kompleks Pejabat Kerajaan, maka mulai 30 Ogos 2010, Nadi Putra telahpun memperkenalkan laluan baru iaitu Laluan 902 yang bermula dari Terminal Putrajaya Sentral terus ke Kompleks A, B, C, D, E dan sebaliknya tanpa melalui Presint/kawasan perumahan dengan kekerapan setiap 15 minit. Laluan 902 ini disediakan khas kepada penumpang dari Putrajaya Sentral ke Kompleks A, B, C, D, E atau dari Kompleks A, B, C, D, E ke Putrajaya Sentral sahaja dan tempat mengambil penumpang hanya di perhentian bas di Kompleks A, B, C, D, E dan Stesen Putrajaya Sentral sahaja. Walaupun bagaimanapun, laluan ini hanya disediakan pada hari bekerja sahaja.

PPj akan sentiasa menambahbaik tahap perkhidmatan bas Nadi Putra termasuk mengubahsuai laluan sedia ada dan kekerapan perjalanan mengikut keperluan semasa dan mengalu-alukan sebarang cadangan dari semua pihak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.



(ZAHARAH SALAMAT)

Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 20 Sept 2010

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam, Perbadanan Putrajaya
Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013

Akhbar : Berita Harian
Segmen : Surat & Emel
M/s : 34
Tarikh : 8 September 2010

Bas RapidKL, Nadiputra kerap lewat

SAYA pengguna tetap sistem pengangkutan awam sepanjang berkhidmat di sektor awam setahun lalu. Masalah yang saya mahu ajukan adalah mengenai perkhidmatan bas RapidKL dan Nadiputra.

Sepanjang menggunakan pengangkutan awam ini, banyak masalah berlaku terutama bas U43 Bandar Utama-Putrajaya dan Putrajaya-Bandar Utama. Antaranya, kelewatan bas terbabit.

Pihak bas menampilkan notis akan sampai di perhentian bas Kelana Jaya pada jam 6.45 pagi, tetapi malangnya kerap kali bas lewat tiba hingga terpaksa menunggu bas kedua yang dijadualkan tiba jam 7.20 pagi.

Masalah ini, saya ajukan kepada pihak RapidKL, tetapi tindakannya masih belum lagi diambil dengan tegas umpama 'hangat-hangat tahu ayam' kerana selepas laporan dibuat hanya mampu bertahan selama dua hari saja.

Alasan yang selalu dinyatakan pemandu syarikat Rapid KL ialah 'bas rosak' dengan nada kurang sopan. Saya berharap pihak atasan mampu turun ke padang un-

tuk menangani masalah ini. Masalah pada bas Nadiputra pula agak sukar untuk mendapatkan bas terus ke Putrajaya Sentral di Kompleks Kerajaan ABCDE apabila waktu puncak terutamanya waktu pulang sepanjang jam 4.30 hingga 5.30 petang.

Tercatat di papan notis bas ke Putrajaya Sentral, tetapi malangnya bas terbabit menggunakan hanyak selekoh ke Presint tertentu sebelum tiba ke destinasi dan ini menyebabkan kami membazir masa.

Bas yang terus ke Putrajaya Sentral hanya bas Presint 9 dan P8-ERL-P9 dan kami berharap syarikat mampu menambah bilangan pada waktu puncak.

Pada waktu pagi pula bas 300 hanya bergerak setiap 30 minit ke kompleks kerajaan ABCDE dan saya berharap syarikat mampu mengubah setiap 15 minit pada waktu puncak iaitu pada jam 7 pagi hingga 8.30 pagi.

Saya berharap tindakan sewajarnya mampu dijalankan syarikat terbabit.

**KAKITANGAN
AWAM,
Putrajaya.**